
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2003/2004

Februari/Mac 2004

JMG 211 – Geografi Manusia

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab EMPAT (4) soalan sahaja. Jika calon menjawab lebih daripada empat soalan, hanya empat soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.

Sertakan ilustrasi atau rajah di dalam jawapan anda bagi soalan yang berkaitan.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 100 markah.

1. (a) Telitikan tahap-tahap dalam model peralihan demografik dan sejauh manakah model ini dapat diaplikasi kepada negara membangun ?
(70 markah)
- (b) Huraikan situasi dalam sesebuah negara di mana kadar kelahiran adalah lebih rendah daripada kadar kematian yang menyebabkan pertumbuhan penduduk terus merosot ?
(30 markah)
2. Bincangkan perkembangan pendekatan-pendekatan kajian dalam bidang geografi manusia sebelum dan selepas tahun 1950an.
(100 markah)
3. Huraikan **EMPAT (4)** daripada **LIMA (5)** perkara-perkara berikut :
 - (a) Piramid penduduk negara maju (25 markah)
 - (b) Model “urban realms” (25 markah)
 - (c) Kerelevanan model Zon Konsentris Burgess dalam konteks pertumbuhan bandar kini.
(25 markah)
 - (d) Konsep Pembangunan Mapan (25 markah)
 - (e) Hukum Migrasi Ravenstein (25 markah)
4. (a) Huraikan **DUA (2)** daripada **EMPAT (4)** konsep-konsep berikut tentang geografi budaya :
 - (i) Peresapan budaya (10 markah)

- ii. Lanskap budaya (10 markah)
 - iii. Persekitaran budaya (10 markah)
 - iv. Asimilasi dan akulturasi (10 markah)
- (b) Bincangkan perbezaan di antara konsep peresapan berkembang dengan peresapan relokasi berasaskan contoh-contoh yang sesuai. (80 markah)
5. (a) Beri takrifan berasaskan perkara-perkara berikut :
- (i) Mobiliti ruang (5 markah)
 - (ii) Pergerakan bermusim (5 markah)
 - (iii) Pergerakan berkala (5 markah)
 - (iv) Migrasi dalaman (5 markah)
- (b) Bincangkan kepentingan kajian migrasi dalam proses pembangunan ekonomi dan sosial sesebuah negara. (80 markah)
6. Sejauh manakah perubahan fasa-fasa ekonomi Malaysia dapat disesuaikan dengan teori pembangunan Rostow ? (100 markah)

